

Pensyarah UPM, UM menang 'Mass Young Researcher 2008'

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

PENSYARAH Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Dr Zurina Osman dari Fakulti Sains, Universiti Malaya merangkul anugerah 'Mass Young Researcher 2008' daripada The Malaysian Solid State Science and Technology Society sempena Persidangan Solid State Science and Technology ke-24 di Port Dickson, baru-baru ini.

Mereka masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Negeri Sembilan, Shamsul Kahar Mohd Deli.

Pengerusi Jawatankuasa Penganugerahan, Prof Mohamed Deraman, berkata anugerah diberikan kepada penyelidik berdasarkan kekeperluan kertas kerja mereka menjadi rujukan pembaca.

Katanya, enam pensyarah institusi pengajian tinggi

awam turut menghantar penyertaan, namun hanya kertas kerja Taufiq dan Zurina mencatatkan rujukan tertinggi.

Sementara itu, Taufiq, berkata penyelidikan yang beliau jalankan berasaskan kepada pemangkin menggunakan vanadium fosfor oksida (VPO) sebagai bahan untuk tindak balas hidrokarbon kepada petrokimia.

Kajian sejak 11 tahun lalu itu membolehkan beliau menerima Anugerah Saintis Muda Negara pada 2002

dan terbaru 'Outstanding Young Malaysian Award' bagi kategori Pembangunan Sains dan Teknologi daripada Junior Chamber International Malaysia.

Sepanjang tempoh itu juga beliau berjaya menghasilkan enam pelajar ijazah doktor falsafah (PhD) dan 10 sarjana yang turut membantunya menjalankan penyelidikan.

Beliau yang juga Penyelaras, Pusat Kecemerlangan Sains dan Teknologi Katalisis, berjaya memfailkan dua paten untuk teknologi penghasilan mangkin.

"Mangkin ini berjaya melalui proses sintesis dan diubah suai sehingga menghasilkan aktiviti dan selektiviti pemangkin tinggi.

"Kaedah terbabit mampu mengurangkan penggunaan larutan organik dan bahan sisa buangan serta penghasilan mangkin VPO dalam struktur 'nanoparticle' yang dapat meningkatkan keberkesanan mangkin," katanya.

Selain itu, beliau juga menjalankan kajian 'fotodegradasi' ke atas bahan toksik organik dengan menggunakan titanium oksida dan penghasilan bahan aktif karbon daripada bahan buangan pertanian.



SHAMSHULKAHAR (tiga dari kiri) bersama Taufiq (kiri) dan Zurina selepas majlis penyerahan anugerah 'Mass Young Researcher 2008', di Port Dickson, baru-baru ini.